

Dua beranak, amah ditikam perompak

KOSMO 21/5/09 MISC

Oleh MOHD. AZLI ADLAN
azli.adlan@kosmo.com.my

IPOH - Gara-gara sebuah komputer riba yang nilainya tidak sampai RM2,000, tiga nyawa melayang akibat dibunuh seorang penagih dadah di sebuah rumah di Taman Pinji Seni di sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 2.45 petang, pemilik salon, Wah Yah Mat Zi, 42, dan anak bongsunya, Esmirn Denish Jafri Tajul, 5, serta pembantu rumah warga Indonesia, Dani, 19, mati akibat ditikam dan ditetak dengan pisau oleh penagih dadah yang masuk ke rumah tersebut untuk merompak.

Mayat ketiga-tiga mangsa itu ditemui berlumuran darah dengan mayat Wah Yah berada di ruang tamu manakala mayat Esmirn dan orang gaji ditemui berhampiran bilik air.

Difahamkan semasa kejadian, Wah Yah sempat menghubungi suaminya, Jafri Tajul Aripin, 47, dan memaklumkan mengenai kejadian rompakan itu.

Jafri yang ketika itu bekerja di sebuah bank di sini terus memandu kereta pulang dan sempat melihat seorang lelaki mendarat dari arah rumahnya.

Suspek berusia 26 tahun telah diberkas oleh dua rakan Jafri.

Buat masa ini, polis mengesyaki ketiga-tiga mangsa itu dibunuh selepas Wah Yah dikatakan enggan menyerahkan wang yang diminta suspek.

Sementara itu, Ketua Polis Perak Datuk Zulkefli Abdullah berkata, polis percaya berlaku pergolotan semasa kejadian tersebut sehingga menyebabkan tiga nyawa melayang.

"Mayat ketiga-tiga mangsa ditemui di ruang tamu rumah dan kesemua mereka mempunyai kesan tikaman dan tetakan di beberapa ang-



JAFRI memeluk anaknya Nur Afini manakala Nur Safura ditenteramkan seorang saudara selepas ibu dan adik mereka mati dibunuh di Taman Pinji Seni, Ipoh semalam.

gota badan," katanya ketika ditemui pemberita di tempat kejadian di sini semalam.

Menurut beliau, mayat ketiga-tiga mangsa telah dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun di sini untuk bedah siasat.

Suspek yang cedera dirawat di hospital sama dengan kawalan ketat polis. Polis menunggu untuk menyoal siasat suspek yang kini tidak sedar selepas diberi ubat penenang oleh doktor.

Beliau memberitahu, siasatan di rumah itu mendapati sebuah komputer riba milik wanita itu hilang.

Jelasnya, polis turut menemui sebilah pisau di tempat kejadian yang dipercayai digunakan dalam kejadian itu.

Zulkefli berkata, suspek didapati mempunyai tiga rekod kes curi yang disiasat mengikut Seksyen 372 Kanun Keseksaan.

Dalam pada itu, rakan Jafri, Ahmad Zainuddin (**gambar kecil**), 38, berkata, beliau yang kebetulan melalui rumah tersebut terkejut melihat Jafri berlari ke dalam rumah dalam keadaan cemas.

"Pada masa sama seorang lelaki dilihat berlari ke arah sebuah motosikal yang terletak kira-kira lima meter dari rumah Jafri sambil memasukkan sesuatu seperti pisau ke dalam sebuah beg yang dibawanya," kata beliau.

Katanya, dia yang memandu kereta terus membuat pusingan U lalu menghalang motosikal ditunggangi lelaki itu.

"Saya dan rakan terus menangkap lelaki itu," katanya.

Ahmad memberitahu, mereka berdua kemudian mengikat lelaki itu mengguna-

kan getah paip sebelum menghubungi polis.

"Sejurus selepas itu Jafri keluar dari rumah dalam keadaan sebak memberitahu isteri, anak dan orang gajinya telah dibunuh," kata beliau.

Tiga lagi anak Wah Yah iaitu Mohd. Aizat Adreen, 17, Nur Safura, 13, dan Nur Afini, 10, tidak ada di rumah semasa kejadian.

Difahamkan pembantu rumah itu baru seminggu bekerja dengan keluarga tersebut.

Seorang pekerja salon Wah Yah, Norhaslinda Ibrahim, 37, berkata, Wah Yah pulang ke rumah dari salon yang terletak di sebuah pasar raya di sini untuk melihat Esmirn yang meragam sejak pagi.

"Sebelum meninggalkan salon pada pukul 1 petang, Wah Yah menyuruh saya dan pekerja lain makan masakan yang dibawanya," kata Norhaslinda.

